

ISLAM DAN CABARAN ZAMAN

Goh Yong Yuan
Nor Syafira Muzamil
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Yuan, G. Y., Muzamil, N. S., & Jasmi, K. A.(2012). Islam dan Cabaran Zaman in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 349-366. ISBN 978-967-0194-19-6.

Abstrak

Artikel ini menceritakan bahawa, pada abad yang awal negara Barat melalui zaman jahiliah, zaman transformasi atau revolusi, zaman imperialisme dan zaman kolonisasi. Melalui beberapa proses ini, kuasa barat menjadi kian kuat dan berpengaruh dalam politik, agama, budaya di hampir seluruh dunia. Budaya dan ideologi dibawa dari negara-negara Barat mengugutkan kedudukan Islam. Dalam proses modenisasi ini, terdapat golongan Islam yang menyokong dan membantah. Hal ini menyebabkan berlakunya percabangan idea dalam memerintah sesebuah negara. Selain itu juga ia menerangkan akan penerimaan masyarakat barat terhadap Islam. Seterusnya ia juga menyingkap akan sejarah masyarakat terdahulu. Peristiwa yang berlaku pada zaman miliniar di bahagian barat. Di samping itu kita dapat mengetahui akan cara berfikir orang barat terhadap agama Islam. Akhir sekali ia juga menceritakan akan perang salib antara orang Islam dengan pihak yahudi adalah kerana merebut tanah suci orang Islam. disebabkan perang ini banyak manusia yang terkorban.

ISLAM DAN CABARAN ZAMAN

Goh Yong Yuan
Nor Syafira Muzamil
Kamarul Azmi Jasmi

ABSTRAK

Artikel ini menceritakan bahawa, pada abad yang awal negara Barat melalui zaman jahiliah, zaman transformasi atau revolusi, zaman imperialisme dan zaman kolonisasi. Melalui beberapa proses ini, kuasa barat menjadi kian kuat dan berpengaruh dalam politik, agama, budaya di hampir seluruh dunia. Budaya dan ideologi dibawa dari negara-negara Barat mengugutkan kedudukan Islam. Dalam proses modenisasi ini, terdapat golongan Islam yang menyokong dan membantah. Hal ini menyebabkan berlakunya percabangan idea dalam memerintah sesebuah negara. Selain itu juga ia menerangkan akan penerimaan masyarakat barat terhadap Islam. Seterusnya ia juga menyingkap akan sejarah masyarakat terdahulu. Peristiwa yang berlaku pada zaman milinier di bahagian barat. Di samping itu kita dapat mengetahui akan cara berfikir orang barat terhadap agama Islam. Akhir sekali ia juga menceritakan akan perang salib antara orang Islam dengan pihak yahudi adalah kerana merebut tanah suci orang Islam. disebabkan perang ini banyak manusia yang terkorban.

PENGENALAN

Pada abad yang awal, negara Barat melalui zaman jahiliah, zaman transformasi atau revolusi, zaman imperialisme dan zaman kolonisasi. Melalui beberapa proses ini, kuasa barat menjadi kian kuat dan berpengaruh dalam politik, agama, budaya di hampir seluruh dunia.

Budaya dan ideologi dibawa dari negara-negara Barat mengugutkan kedudukan Islam. Dalam proses modenisasi ini, terdapat golongan Islam yang menyokong dan membantah. Hal ini menyebabkan berlakunya percabangan idea dalam memerintah sesebuah negara.

KEDATANGAN KUASA BARAT

Pada abad ke-16, Eropah memulakan sesebuah proses transformasi yang membolehkan Barat menguasai seluruh dunia. Pada masa yang sama, selepas berhadapan dengan ancaman dari Barat, Ottoman mencuba mengatur semula pasukan tentera dan mencipta semula stuktur sosial, ekonomi, pendidikan, agama, rohani, politik dan intelektual. Masyarakat baru Eropah dan koloni Amerika mempunyai asas ekonomi yang berbeza dengan negara lain. Mereka menemui sumber teknologi dan mempunyai pelaburan kapital yang membolehkan mereka untuk menggunakan sumber mereka kepada tahap maksimum, tidak seperti negara lain yang hanya menumbuh kepada produksi pertanian. Eropah juga mencapai revolusi saintifik yang membolehkan mereka lebih maju dalam bidang perubatan, navigasi, pertanian dan industri. Oleh sebab kemajuan tersebut, ekonomi semakin bertambah diiringi dengan pertumbuhan masyarakat sosial yang mewujudkan sebuah negara masyarakat yang demokratik dalam zaman moden ini. Sebagai kesan perkembangan moden ini, Barat menjalankan proses kolonisasi untuk memperolehi sumber asal atau mentah daripada negara lain untuk industri Eropah. Kesan sosial pula ialah masyarakat asal negara dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu individual yang menyokong modenisasi dan individual yang membantah modenisasi (Armstrong K., 2002). Masyarakat asli yang ditinggalkan daripada arus kemodenan berasa seperti orang asing dalam negara sendiri dan kehilangan identiti sebagai rakyat asal dalam negara itu. Eropah dan Amerika yang berdikari menonjolkan semangat inovatif dan autonomi menyebabkan mereka mendahului negara lain dalam politik, intelek, agama dan sosial.

Pencerobohan Eropah dalam dunia Islam bermula di Mongul, India. Pedagang British bertapak di Bengal dan tinggal dalam kalangan pedagang Hindu dan Muslim. Aktiviti British menyebabkan puak Bengalis

menghasilkan bahan mentah untuk industri di Barat. Hal ini menyebabkan British berazam untuk mentamadunkan orang India.

Kuasa Eropah mengkolonisasi sesebuah negara Islam berturut-turut (Armstrong K., 2002):

- 1830- Perancis menguasai Algeria.
- 1839- Perancis menguasai Britain Aden.
- 1881- Perancis menguasai Egypt.
- 1889- Perancis menguasai Sudan.
- 1912- Perancis menguasai Libya dan Morocco.

Pada tahun 1948, Zionists menguasai Palestin dengan mengalahkan Arab. Peristiwa ini merupakan simbol humanisasi dalam dunia Muslim apabila jatuh dalam kuasa barat. Namun begitu terdapat juga beberapa Muslim yang menyokong budaya Barat (Armstrong K., 2002). Contohnya,

- (1) Mulcum Khan dan Apa Khan Kimani menyokong orang Iran untuk mendapati pendidikan Barat dan mengganti syariah dengan sebuah kod moden sekular yang sah.
- (2) Sheikh Muhammad Husain menyokong perlembagaan kerajaan gaya Barat merupakan satu kebaikan terhadap *Hidden Iman*.
- (3) Rifah al-Tahtawi menyokong literasi individual biasa dan mendorong idea inovasi.
- (4) Sayyid Ahmad Khan mencuba untuk menyesuaikan Islam dengan ideologi liberalisme Barat.
- (5) Al-Afghani dan Muhammad Abduh mempercayai bahawa inovasi berdasarkan idea tradisi Islam perlu diwujudkan. Contohnya, prinsipal Islam shura membantu Muslim memahami maksud demokrasi. Beliau juga mementingkan pendidikan. Pelajar Madrasah perlu belajar sains moden supaya generasi muda dapat memasukkan alam baru dunia Islam.
- (6) Hassan al-Banna mengetahui kepentingan sains dan teknologi Barat untuk mengubah perlembangan politik dan sosial. Beliau juga berkeras bahawa Islam merupakan cara hidup yang betul dan ajaran Islam tidak sepatutnya dihadkan. Motifnya mentafsir

al-Quran ialah untuk mengharmonikan negara Islam, meningkatkan taraf hidup untuk mencapai keadilan sosial pada peringkat yang lebih tinggi, menghapuskan buta huruf dan membasmi kemiskinan.

Proses modenisasi mempunyai kebaikan terhadap pembangunan negara atau tamadun. Tetapi terdapat golongan minoriti terlibat dalam keganasan yang menyebabkan keadaan negara tidak aman dan sejahtera.

ISLAM NEGARA MODEN

Peristiwa penjajahan dan pertelingkaran dengan negara-negara Eropah menyebabkan masyarakat Islam berhenti. Dunia berubah dan ini menyebabkan umat Islam tidak tahu membuat reaksi.

Dengan khususnya, Barat menemui mereka harus memisahkan agama dan politik untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bebas dalam bidang sains dan teknologi (Armstrong K., 2002). Hal ini dapat pembangunan dalam sains dan teknologi boleh bebas daripada kekangan pemikiran konservatif agama. Nationalisme menggantikan kesetiaan kepada iman dan mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu di Eropah. Tetapi muncul masalah pada tahun 1870. Negera-negara Eropah memulakan perlumbaan senjata yang menyebabkan peperangan dua dunia berlaku. Dari peristiwa ini juga membuktikan ideologi sekularisme juga membawa pembunuhan sama dengan agama lama yang kesempitan fikiran. *Enlightenment philosophes* mempercayai bahawa orang yang menerima pendidikan yang semakin tinggi, orang itu akan menjadi lebih rasional dan toleransi (Armstrong K., 2002).

ISLAM KEPERLUAN JIHAD

Tawhid nampaknya menentang idea sekularisme tetapi pada masa dahulu, *Shiis* dan *Shunnis* menerima keadaan perpisahan agama dengan politik. Islam meletakkan atau menggabungkan al-Quran dalam politik. Masyarakat Islam yang sekular dan moden boleh berlaku dalam negeri-negeri Islam. Tetapi tidak boleh dinafikan, idea sekularisme memang berbeza dengan

Islam. Tetapi dalam negeri-negeri Islam, sekularisme sering menimbulkan serangan yang kejam antara agama (Armstrong K., 2002). Contohnya:

- (1) Atatürk: Menutup semua madrasah, menindas suku Sufi serta memaksa semua lelaki dan perempuan supaya mereka berpakaian dalam gaya moden.
- (2) Muhammad Ali: Merampas khazanah ulama Egypt dan menafikan iman mereka.
- (3) Jamal Abd al-Nasser (1918-70): Menjadi penggerak anti-Islam dan menindas *Muslim Brotherhood*. Menurut kepada Wikipedia, *Muslim Brotherhood* diasaskan oleh Hassan al-Banna pada tahun 1928 (Chronology of Muslim History). Muslim Brotherhood merupakan satu gerakan Islam antarabangsa dan parti pembangkang yang berpengaruh di dunia. Doktrin al-Ikhwan adalah: “Allah adalah objektif kita. Nabi adalah pemimpin kita. al-Quran adalah undang-undang kita. Jihad adalah jalan kita. Mati di jalan Allah adalah harapan tinggi kita” (Wikipedia, 2011).
- (4) Reza Shah Pahlavi merampas khazanah ulama, menggantikan syariah dengan sistem sivil, menindas perayaan Ashura untuk penghormatan kepada Husain, melarang orang Iran untuk pergi haji dan melarang mereka berpakaian gaya Islam serta mengarah askar untuk mengoyakkan tudung wanita di tepi jalan.

Konsep nasionalisme yang dibangkitkan oleh Barat pada zaman moden juga mempunyai masalahnya. Dunia Islam dipecahkan kepada kerajaan dan republik menghentikan kuasa Barat. Semangat nasionalisme tidak mudah dibangunkan semenjak umat Islam sudah biasa menjadi rakyat Ottoman dan ahli Dar al-Islam. Contohnya (Armstrong K., 2002):

- (1) Bahagian selatan di Sudan meliputi dengan rakyat yang beragama Kristian manakala bahagian utara Sudan diliputi dengan rakyat yang beragama Islam.
- (2) Lebanon dibahagikan secara rata dengan sekurang-kurangnya tiga agama, iaitu Sunni, Shii and Maronite Christian.

Ideologi demokratik pun menghdapi masalahnya semasa pemulih hendak mencantumkan idea demokratik dalam negara Islam serta ingin membuktikan bahawa idea demokratik tidak bermusuh atau bertentang dengan idea Islam. Hal ini kerana dalam Islam, kerajaan demokratik merupakan kerajaan sekularisme. Mereka tahu demokratik akan memimpin mereka ke arah pengadilan perundangan Syariah. Orang yang mengikut prinsip demokratik akan menentang perlaksanaan dalam perundangan Islam (Salah al-Sawy, 2002). Tedapat kebezaan antara idea demokratik dan Islam, iaitu perundangan Islam menggalakkan syura dan ijmak. Konsep demokratik merupakan kerajaan untuk negara. Tetapi dalam Islam, bukan rakyat mengesahkan kerajaan manakalanya ialah Tuhan. Hal ini menyusahkan negeri-negeri Islam menjadi sebuah negara yang berkonsep demokratik moden. Selain itu, demokratik tidak mudah dibangunkan dengan memindahkan agama daripada politik. Tetapi wujudnya kerajaan yang mampu membuat demikian. Contohnya, kerajaan Saudi Arabia pada tahun 1932, dan Pakistan.

Sebenarnya, Islam masih belum mencari satu ideologi politik yang sesuai pada abad ke-20. Tetapi ini tidak bermaksud bahawa Islam tidak boleh wujud bersama dengan konsep moden. Dalam konteks Islam, tiada perbezaan antara agama dan politik kerana mereka percaya bahawa semua perkara dalam dunia ini merupakan bidang kuasa dan penciptaan Allah. Islam bukan hanya dokrin manakala juga ialah perundangan kerana ia meliputi semua perkara dalam kehidupan harian (Salah al-Sawy, 2002). Oleh itu, setiap orang yang beragama haruslah beriman kuat walaupun terwujudnya proses modenisasi. Kerajaan Islam tidak sepatutnya dianggap tidak mengikut jalan biasa atau benar tetapi seharusnya dilihatkan sebagai asas keperluan aktiviti agama.

FUNDAMENTALISME

Fundementalisme bermaksud kepatuhan kepada ajaran asas agama (Joyce M. Hawkins, 2011). Dalam konteks Barat, fundamentalisme dibahagikan kepada beberapa jenis, contohnya fundamentalisme Yahudi, fundamentalisme Kristian, fundamentalisme Hindu, fundamentalism agama Buddha, fundamentalisme Sikh dan juga fundementalisme Konfusianisme. Secara

keseluruhannya, pergerakan fundamentalisme mempunyai pandangan yang sama, iaitu berasa kecewa dengan konsep modenisasi.

Tokoh Fundamentalis Islam

Tokoh fundamentalis Islam merujuk kepada tokoh berikut, iaitu Mawdudi, Sayyid Qutb, Taliban dan Ayatollah Rubollah Khomeini (Armstrong K., 2002).

Mawdudi

Mawdudi merupakan antara ideologi fundamentalis terawal dan merupakan pengasas Jamaat-i Islami di Pakistan. Dia memerhati kekuasaan Barat sering berjuang untuk meruntuhkan Islam. Dia menekankan bahawa sekiranya Muslim ingin mempertahankan agama dan budaya, mereka seharusnya berganding bahu berlawan dengan ideologi sekularisme yang semakin berleluasa. Beliau mencadangkan *Islamic Liberation Theology*. Dia percayai bahawa disebabkan Allah paling berkuasa dan tiada sesiapa diwajibkan untuk menerima arahan daripada orang lain. Dia menentang revolusi penjajahan dan memperjuangkan perjuangan *jihad*. Hal ini merupakan satu inovasi terhadap Islam. Menurut penulis Armstrong K., tekanan dan ketakutan terhadap pembinaaan agama mewujudkan potensi perubahan iman.

Sayyid Qutb (1906-1966)

Beliau merupakan pengasas fundamentalisme dalam dunia Sunni dan dipengaruhi oleh Mawdudi. Beliau menyertai *Muslim Brotherhood* pada tahun 1953 sebagai pemulih dengan harapan memberi demokrasi Barat sesebuah dimensi Islam supaya dapat mengelakkan perjuangan ideologi sekularisme. Qutb menggunakan perkataan *jahiliyah* untuk menggambarkan masyarakat Muslim kontemperari. Keganasan sekularisme oleh al-Nasser mengarah Qutb mewujudkan satu bentuk Islam yang memutarbelitkan ajaran al-Quran dan kehidupan Nabi. Qutb memberitahu umat Islam untuk mencontohi Muhammad dengan mengasingkan mereka daripada masyarakat dan seterusnya melibatkan dalam *jihad* yang ganas. Qutb menekankan bahawa ajaran Islam untuk bertoleransi hanya dipraktikkan

selepas kemenangan Islam dalam politik dan penubuhan negeri Muslim yang sebenar. Setiap pergerakan fundamentalis dipengaruhi oleh Qutb.

Taliban

Berkuasa di Afganistan pada 1994. Juga dipengaruhi oleh ideologi Qutb. Mereka berazam untuk kembali kepada visi Islam yang asli. Dalam konteks mereka, ulama merupakan pemimpin kerajaan manakala perempuan ditudungkan dan tidak dibenarkan untuk melibatkan diri dalam sebarang aktiviti profesional (Armstrong K., 2002). Kebanyakan Taliban (pelajar madrasah) merupakan sebahagian daripada puak Pashtun dan mereka sering menentang puak selain daripada puak Pashtun. Ideologi chauvinisme antara etnik dilarang oleh al-Quran dan Nabi. Taliban merupakan fundamentalis tipikal tetapi seperti agama lain, mereka cuba ingin memperjuangkan agama dan budaya sehingga terjerumus dalam penggunaan keganasan.

Ayatollah Ruhollah Khomeini (Iranian)

Dia memimpin *The Iranian Revolution* pada tahun 1978-1979 dengan mengetuai masyarakat Iran memprotes membantah polisi perlembagaan yang tidak adil oleh Muhammad Reza Shah. Khomeini seperti seorang iman. Namun, seperti fundamentalis yang lain, visi Khomeini juga sesat. Sebagai contohnya, tindakan Khomeini mengambil orang tebusan Amerika di Teheran bercanggah dengan ajaran al-Quran tentang cara perlakuan terhadap orang tebusan. al-Quran menghalang pengambilan tebusan kecuali dalam peperangan konvensional. Selepas revolusi, Khomeini menyekat kebebasan bersuara. Selepas Khomeini meninggal dunia, Khomeini menyerahkan kuasa kepada Parlimen.

Di mana modenisasi wujud, di situlah pergerakan fundamentalisme. Fundamentalis lazimnya akan menunjukkan ketidaksenangan terhadap pembangunan moden melalui penekanan kepentingan tradisi untuk membantah idea yang dibawa oleh modenisasi. Dalam konteks Islam pula, fundamentalisme menggambarkan kepentingan agama. Antara ketiga-tiga agama "*monotheistic*", Islam merupakan agama yang paling lewat mewujudkan pergerakan fundamentalisme (Armstrong K., 2002).

ISLAM DI KALANGAN SEGELINTIR MASYARAKAT

Asas Islam mempengaruhi masyarakat barat. Walau bagaimana pun ia tidak menggugat keimanan masyarakat lain. Dengan yang demikian ia merubah sikap masyarakat barat terhadap cara hidup orang Islam di sesebuah Negara (Armstrong K., 2002). Kebanyakan orang Islam di Negara barat mereka dilahirkan oleh ibubapa pada abad 1950 an dan 1960-an. Oleh yang demikian mereka menolak cara pemikiran ibubapa mereka tentang pembelajaran yang tinggi dan kebolehan melihat. seperti contoh Dr. kalim Siddiqui's dipanggil parlimen orang Islam di United Kingdom pada tahun 1990-an (Armstrong K., 2002).

Selain itu juga, semasa krisis Satanic Verses terjadinya permusuhan sesama orang Islam. Hal ini kerana, mereka membakar buku di khalayak orang ramai. Seperti contoh masyarakat Islam di British tidak bersetuju dengan novel tersebut tetapi mereka tidak mahu melihat pembunuhan Rushdie (Armstrong K., 2002). Disebabkan oleh peristiwa tersebut masyarakat Eropah sukar untuk menhubungkan sikap masyarakat Islam di Eropah dengan masyarakat Islam di British kerana budi pekerti mereka yang baik dan sopan. Di Jerman pula pendatang asing dari Turki dibunuh mengikut kaum manakala perempuan yang memilih untuk memakai hijab dipandang serong dan dibenci di French. Di Britain orang Islam meminta supaya anak mereka diasingkan sekolah daripada bangsa lain. Walaupun masyarakat tidak bersuara tentang sekolah Roman Catholics dan Quakers. Peristiwa ini berlaku pada abad ke-5 semasa pemerintahan British.

Di United State, pula kebanyakan orang Islam mempunyai pendidikan yang tinggi. Oleh sebab itu, kebanyakan daripada mereka bekerja sebagai doktor, penjawat akademik, dan enginer. Manakala masyarakat Islam di Eropah masih bekerja biasa dan jauh ketinggalan dengan masyarakat Islam di United State yang kebanyakannya merupakan orang Negara lain yang menetap disana atas tujuan menyambung pelajaran. Tetapi masyarakat Islam di America menganggap diri mereka sama seperti masyarakat Islam di United State. Hal ini kerana mereka mahu menjadi bangsa Amerika di tanah air mereka sendiri lebih utama berbanding dengan masyarakat Eropah. Seperti contoh Malcom X

(1925-65), iaitu ketua kumpulan gelap yang dipanggil bangsa Islam. Beliau juga mendapat penghormatan daripada badan sivil pada masa itu. Seterusnya beliau juga menjadi orang yang berkuasa dalam masyarakat Islam. Oleh itu, Wallace Fard mengatakan bahawa bangsa Islam di bawah Malcom X tidak mengamalkan nilai-nilai yang baik sehingga dipanggil sebagai 'Heterodox Party' pada tahun 1930. Setelah misteri kehilangan Fard berlaku pada tahun 1934, kumpulan itu diambil alih oleh Elijah Muhammad pada tahun (1897-1975). Elijah Muhammad menganggap tuhan seperti jelmaan Fard. Yang secara semula jadinya dianggap jahat oleh bangsa orang putih dan yang mengikut perspektif Islam tiada hidup selepas mati (Armstrong K., 2002). Bangsa Islam memisahkan negara Afrika yang mempunyai hamba abdi. Oleh itu hamba-hamba abdi itu pun dibebaskan. yang ini sememangnya menjadi kebencian terhadap orang barat. Hal ini kerana masyarakat barat pada zaman sekarang masih mempunyai hamba abdi. Oleh yang demikian, Malcom X berasa sangat kecewa apabila melihat moral bangsa Islam yang mengikuti Elijah Muhammad dan juga semua pengikutnya ke dalam Sunni Islam.

Setelah dua tahun, Malcom X mendapati bahawa bangsa Islam terlalu jauh dengan liputan media yang menjadi sebahagian daripada misi utama masyarakat Islam di Amerika. Walau bagaimana pun bangsa Islam nampak seperti bangsa barat yang mempunyai sifat semula jadi mereka yang tidak sabar dan juga terlalu mempercayai kepercayaan mereka. Seperti yang kita tahu di India bilangan penduduknya sangat ramai. Oleh itu. Bilangan kematian di sana meningkat sebanyak 115 juta dan ia amat merbahayakan penduduk di bahagian barat. Hal ini kerana masyarakat Islam di India masih teringat-ingat lagi akan peristiwa kekejaman pada tahun 1947. Disebabkan itu terjadi sesetengah daripada masyarakat India menyalahkan kehidupan mereka yang mempunyai banyak anak. Kebanyakan masyarakat di India mereka terpaksa keluar dari kampung untuk mencari kerja. Namun begitu mereka susah untuk mendapat kerja disebabkan oleh kurangnya ilmu dalam pendidikan. Mereka juga susah untuk menyesuaikan diri di tempat baru. Seperti contoh tempat yang paling bermakna bagi sekumpulan hindu di India adalah di Taj Mahal, Red

Fort dan Juneh Mosque (Armstrong K., 2002). Orang Islam memusnahkan kuil yang dibina oleh Bharatiya Janata Party. Islam di india megakibatkan kebinasaan kepada ramai orang. Mereka menganggap simbolik itu hanya membawa kepada masalah sahaja. Oleh sebab itu mereka lama kelamaan melupakan hanya disebabkan oleh pelbagai peristiwa yang berlaku di india. Seperti yang dikatakan dalam novel *Satanic Verses* setiap orang percaya kepada kepercayaan agama masing-masing. Masyarakat Islam di india mereka sangat tidak bertolak ansur pada sesetengah orang sahaja. Tetapi mereka juga sangat mengekalkan tradisi mereka sebagai seorang umat Islam. walau bagaimana pun perasaan tidak dapat mengugat keimanan mereka. Sikap seperti ini lah yang patut kita contohi dalam masyarakat hari ini. Yang mengaggap agama itu sebagai satu permainan yang hanya cuma sekadar nama sahaja.

PERANG SALIB

Seperti yang kita tahu terdapat banyak jenis perang salib, iaitu perang salib pertama, perang salib rakyat, perang salib jermen, perang salib 1101 dan perang salib dua.

Perang salib pertama

Pada tahun 1095 Paus Urban ii melancarkan perang salib dan matlamatnya adalah untuk membebaskan Baitulmuqaddis dan Tanah Suci dari kekuasaan orang Islam dan juga membebaskan orang-orang kristian Timur dari pemerintahan orang Islam. Semasa perang ini orang Islam sangat bersemangat meskipun mereka diserang bertubi-tubi. Pope Urban ii dipanggil oleh pasukan tentera supaya membebaskan Tanah suci pada tahun 1095. (Encyclopedia vol 4 the Crusade)

Perang Salib Rakyat

Perang salib rakyat ini adalah penerusan daripada perang salib pertama yang berakhir kira-kira enam bulan dari April 1096 sehingga bulan oktober. perang ini juga dikenali sebagai perang popular.

Perang Salib 1101

Perang ini adalah perang daripada tiga gerakan yang terpisah dan dibentuk pada tahun 1100 dan 1101 hasil daripada kejayaan perang salib uang pertama.

Perang salib Jerman

Perang ini adalah bahagian daripada perang salib pertama, hal ini kerana kebanyakan tentera perang salib rakyat itu asalnya dari Jerman, mereka tidak menyerang Islam malah menyerang kaum Yahudi.

Perang salib kedua

Perang ini berlaku setelah kejatuhan Kerajaan Edessa. Perang ini dipelopori oleh raja-raja eropah, iaitu Loius VII dari Perancis dan Conrad III dari Jerman dengan bantuan dari bangsawan-bangsawan eropah.

Semasa perang salib yang berlaku, orang Islam ditindas oleh pihak Kristian. Pada zaman ke-2 Kristian mileniar berlakunya perang salib antara 30 juta orang Yahudi dan juga orang Islam di Jerusalem. Peperangan ini berlaku adalah disebabkan oleh mereka ingin merebut tanah suci orang Islam untuk membina gereja (Murray A.V., 2006). Selain itu mereka menukar tempat orang Islam kepada tempat menyimpan mayat. Selama lima bulan berlalu sepasukan orang membersihkan longkang dan bandar mayat orang semasa perang salib yang berlaku dahulu. Mereka membersihkan kesemua tempat di Jerusalem. Selain itu juga terdapat tiga agama yang diikuti oleh Abraham berasa aman dan harmoni berada di bawah pemerintahan Islam. Disini kita dapat lihat pengalaman pertama orang Kristian di Barat. Mereka keluar dari zaman mereka setelah kejatuhannya Empayar Rom pada abad ke-5 (Armstrong K., 2002). Seperti yang kita tahu Empayar Rom adalah empayar terbesar di Barat. Disebabkan oleh perang salib yang berlaku antara kaum Yahudi dengan umat Islam, ramai masyarakat Islam hidup dalam kesusahan dan penderitaan. Hal ini kerana, semasa perang salib ramai orang yang terkorban. Melalui peristiwa ini, kita dapat lihat bahawa Islam itu agama yang suci pada semua lapisan masyarakat.

Pada tahun 1187, Saladin menawan semula Jerusalem untuk Islam. Peristiwa perang salib itu digantung pada abad yang berikutnya di sebelah timur. Perang salib ini berlanjutan sehingga perang salib yang kesembilan. Tetapi peristiwa itu tidak memberi sebarang kesan kepada perjalanan Islam di kawasan tersebut. Manakala sebahagian besar daripada Islam peristiwa perang salib itu seolah-olah tidak memberi kesan kepada mereka dan pada masa yang sama mereka sedikit pun tidak berminat kepada bangsa barat di eropah. Disebabkan oleh peristiwa perang salib yang berlaku dahulu Islam sedikit ketinggalan dibelakang. Tetapi bangsa eropah tidak akan pernah lupa akan peristiwa perang salib yang berlaku dahulu (Murray A.V., 2006). Mereka juga tidak lupa akan Darul Islam yang merupakan undang-undang dunia. Setelah berlakunya perang salib dahulu masyarakat kristian di barat sering kali menjatuhkan maruah Islam dengan mereka memusuhi Islam (Armstrong K., 2002). Kebanyakan mangsa perang badar mereka bimbang akan kaum kristian. Mereka takut apabila kaum kristian mengambil alih pentadbiran. Seperti contoh semasa peperangan badar kaum kristian menentang orang-orang Islam. Oleh itu orang Islam mempelajari sesuatu dari bangsa eropah yang sangat tidak bertolak ansur dalam kepercayaan mereka. Selain itu barat juga sedikit sebanyak mengikut cara Islam yang kebanyakannya tidak bertolak ansur.

Walaupun zaman sudah maju tetapi segelintir masyarakat Islam mereka masih hidup dan mengamalkan cara hidup barat. Seperti yang kita tahu pengaruh barat semakin mudah menjadi ikutan kepada masyarakat pada zaman sekarang. Tetapi disebalik semua itu mereka tidak tahu akan helah barat yang ingin menjatuhkan Islam. Tetapi setelah perang salib berlaku masyarakat Islam sudah mula bersuara. Oleh itu kita dapat lihat pihak gereja katolik sudah mengambil tugas Islam, fundamental itu dipanggil penjajahan barat (Armstrong K., 2002). Mengikut al-Salibiyah peperangan salib jauh meninggalkan kesan berbanding peperangan suci. Hal ini kerana semasa peperangan salib banyak terjadinya kekejaman yang dilakukan oleh kolonial perang salib. Akibat dari itu pengaruh Islam lama kelamaan semakin berkurang. Kebanyakan masyarakat Islam sekarang lebih terikut-ikut akan program moden yang kian membangun sekarang. Pernahkah kita terfikir budaya barat

itu jauh menyimpng dengan budaya Islam. Malah kita memilih untuk hidup dengan kehidupan dan budaya mereka. Itulah yang kian berlaku dalam masyarakat kita pada masa sekarang . Semakin hari budaya Islam mula pudar dalam masyarakat kita kerana sikap mereka sendiri yang lebih mengutamakan hidup cara barat. Sikap murni masyarakat Islam lama kelamaan hilang dimakan arus permodenan sekarang.

Selain itu, fundamental adalah sikap mereka yang suka berperang dan tidak bertolak ansur dalam agama. Tetapi Islam tidak sebegitu kerana Islam itu mengajar kita supaya bertolak ansur dan tidaklah kita berperang kearah kebinasaan. Al-Salibiyah juga melihat bahawa budaya dan adat barat ini sedikit sebanyak memusnahkan budaya Islam (Armstrong K., 2002). Hal ini kerana setiap orang ada pegangan agama masing-masing. Oleh itu mereka bebas untuk melakukan apa sahaja yang mereka suka. Tetapi tidak pada budaya Islam yang mempunyai batas-batas tertentu. Kerana pemikiran masyarakat masing-masing berbeza-beza. Oleh itu sukar untuk kita mengubah persepsi mereka terhadap sesuatu. Setiap agama ada keadilan dan cara untuk mengadili sesuatu.

Agama ibaratnya seperti kitaran hidup manusia. Hal ini kerana setiap manusia mereka melakukan aktiviti mereka sendiri. Segelintir manusia menyalahkan gunakan agama untuk kepentingan mereka sendiri. Tetapi cara terbaik adalah dengan membantu setiap manusia memupuk perasaan yang suci dan tidak tercemar dalam diri setiap individu. Malah bagi mereka yang pernah terlibat dalam sebarang pembunuhan jadikanlah itu sebagai satu peristiwa yang diingati dalam hidup mereka. Walaupun agama bertindak kejam tetapi kehidupan didunia jauh lebih kejam . Sekularism ini meningkatkan agama disamping itu membuatkan seseorang itu menjadi tidak bertolak ansur dan juga penuh dgn kebencian. Seperti contoh yang berlaku di Algeria pada tahun 1992 semasa upacara keagamaan. Islamic Salvation Front (FIS) mencabar parti National Liberation Front (FLN). Revolusi antara French dengan Ageria menjadi inspirasi kepada arab dan orang Islam untuk mendapatkan kebebasan daripada eropah. FLN ini juga sama seperti kerajaan social di asia timur yang menghubungkan kaitkan struktur Islam dengan struktur barat (Armstrong K., 2002). Pada tahun 1970, masyarakat Islam menunjukkan rasa tidak puas hati mereka terhadap ideology tersebut. Hal ini kerana,

mereka tidak menunaikan janji mereka yang mereka beritahu dalam ideologi mereka itu. Abbas Madani merupakan salah seorang ahli kumpulan FIS ingin membina ideology politik Islam untuk zaman moden sekarang. Penubuhan FIS ini tidak mendapat persetujuan daripada kerajaan. Oleh itu mereka terpaksa bergerak secara sendiri dengan membina sebuah masjid. Seperti yang kita tahu masjid merupakan tempat yang paling sesuai untuk menarik lagi ramai orang menyertai mereka. Ini adalah sebagai satu kekuatan orang Islam di France.

Algeria mengalami krisis ekonomi pada tahun 1980. Oleh itu FLN mengambil langkah untuk menjadikan negara itu sebuah negara demokrasi tetapi lama kelamaan Negara itu menjadi rosak. Kerana terdapatnya populasi yang terbesar di Algeria. Dalam 30 juta tidak ad tempat tinggal dan tidak berhabitat. Manakala ada juga yang tidak mempunyai kerja yang tinggal di rumah yang kecil dan sempit. Disebabkan hal itu berlaku, terjadinye rusuhan kerana mereka kecewa dengan FLN . Kebanyakan golongan muda kecewa kerana mereka mahukan sesuatu yang baru tetapi digantikan pula dengan parti Islam. Pada tahun 1990 kegiatan FIS lebih meluas di bahagian urban. Hal ini kerana kumpulan itu kebanyakannya dipelopori oleh golongan muda (Armstrong K., 2002). Golongan muda itu mempunyai idea yang bagus di samping ilmu pendidikan yang tinggi yang membuatkan ideologi FIS kian berkembang dengan meluas. Golongan muda ini juga mereka lebih jujur dan efisien dalam pentadbiran kerajaan. Mereka giat memperjuangkan ideologi mereka seperti contoh mendesak kepada tradisi cara berpakaian orang perempuan. Namun melihat dari aspek permaknaan seolah-olah memaksa wanita-wanita berpakaian mengikut Islam. Oleh yang demikian kumpulan ini dianggap anti kepada barat walhal kumpulan ini hanyalah untuk mendekatkan manusia dengan cara hidup dan budaya Islam.

Setelah pengundian legislatif Berjaya maka Algeria tidak lagi merupakan kerajaan Islam. Tetapi tentera disana masih lagi merampas kuasa liberal presiden di Algeria. Walaupun setelah pilihan raya masih ada lagi kekejaman yang berlaku. Seperti rampasan kuasa dalam Islam sepatutnya tidak berlaku untuk menuju kerajaan yg lebih demokrasi. Tetapi perkara seperti itu berlaku pada zaman moden sekarang. Hampir kesemua

tempat berlaku peperangan akibat daripada ketamakan seseorang terhadap kawasan jajahan. Sampaikan hamper sanggup bergaduh sesama mereka. Tetapi ini lah yang berlaku pada zaman sekarang. Oleh disebabkan Algeria negara Islam tetapi dikawal oleh kuasa luar yang lebih menekankan budaya barat. Negara Algeria ini bersih daripada pusat-pusat perjudian, kelab-kelab malam kerana kesemua benda itu pun disimpan untuk penjimatan. Negara ini juga ad kisah tersendiri yang menjadikan mereka negara demokrasi.

GIA pula ditubuhkan oleh salah seorang golongan daripada FIS. pertubuhan ini berkuat kuasa di Algeria. Setelah itu berlakunya pembunuhan beramai-ramai dan populasi penduduk kampung yang terbunuh terlalu ramai (Armstrong K., 2002). Mereka tidak kira siapakah orang itu. Orang kenamaan, pengarang buku dan orang beragama juga turut terbunuh. Peristiwa seumpama ini menunjukkan bahawa Islam bertanggungjawab terhadap peristiwa tersebut. Tetapi semua ini terjadi kerana tentera-tentera Algeria membunuh mengikut sesuka hati mereka sahaja tanpa memikirkan sebarang implikasi dari perbuatan mereka. Setelah semua itu terjadi secular dan agama cuba untuk menghentikan pilihan raya yang diadakan itu kera akan adanya peperangan antara agama dan secular. Oleh itu pada tahun 1995 gereja roman katolik membantu menguruskan perjumpaan Rome untuk membawa kedua belah pihak itu kembali bersatu. Tetapi kerajaan Zeroual tidak bersetuju. Oleh sebab itu mereka terlepas peluang keemasan dalam politik Islam.

Peristiwa yang berlaku terhadap Algeria diharapkan tidak akan berlaku lagi. kebanyakan orag Islam bersifat kejam terhadap Islam. Sifat paksaan itu membuatkan segelintir masyarakat Islam bersifat kejam terhadap Islam. Sekularism tidak suka kepada agama kerana mereka lebih percaya kepada kepercayaan mereka. Peristiwa tersebut memberi sedikit kecelaan pada struktur demokrasi. Hal ini kerana barat sangat tidak sabar untuk mempromosikan tetapi mereka tidak dapat berbuat demikian kerana mereka kekurangan proses demokrasi. Oleh sebab itu pilihan raya menjadikannya sebahagian daripada negara Islam. Walau bagaimana pun masyarakat Eropah dan United state tidak mengambil peduli akan pilihan raya negara Islam. FIS

memainkan peranan penting dalam pemikiran barat yang sangat kejam, dan anti demokrasi yang ditunjukkan oleh secularism FLN. Di Egypt, Tunisia dan Morocco kerajaan sentiasa berhati-hati dalam peningkatan Islam di negara mereka. Pada abad ke-20 Islam didominasi oleh secularism (Armstrong K., 2002). Oleh itu kerajaan lebih berhati-hati sekarang kerana adanya pilihan raya demokrasi yang sememangnya dipelopori oleh negara Islam. Masyarakat bertukar kepada muslim di Jordan dan Palestin masih lagi mencari-cari tentang Islam. Selain itu masyarakat yang bekerja dan Berjaya di negara barat mereka mencuba untuk mengikuti ideologi barat. Semakin meningkat orang Islam yang mahu pihak kerajaan membuatkan norma Islam. Hal ini kerana di Egypt mereka menggunakan kaedah Islam dalam undang-undang tanah mereka. Di Iran pula presiden Khatami masih mengekalkan tiga identity, iaitu Islam, barat dan pra-Islam yang mereka mesti berdamai antara satu sama lain. Beliau juga menolak secular barat dan mempercayai bahawa manusia perlukan kekuatan dan semangat.

Masyarakat barat tidak selesai dengan semangat dalam hidup. Hal ini kerana mereka tidak mahu kembali ke zaman moden beragama yang percaya kepada kepercayaan dahulu kala. Agama menjadikan seseorang itu lebih berharga. Islam merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan. Ia mengajar manusia supaya bersikap lebih adil, bertimbang rasa dan praktikal pada zaman sekarang. Islam juga lebih bersifat spiritual yang menyebabkan masyarakat barat lebih berhati-hati dengan Islam. Barat tidak suka akan kedatangan Islam yang extreme pada masa sekarang. Kerana mereka masih menganggap kejam dengan agama tersebut. Tetapi mereka perlu menghargai Islam pada zaman meliniar ini.

RUMUSAN

Keseluruhan artikel ini menceritakan tentang kedatangan kuasa barat disamping membawa ideology-ideology barat ke dalam Islam. Peristiwa ini mengugat kedudukan Islam. Oleh hal yang demikian maka adalah pihak yang menyokong dan membantah. Oleh itu tercetuslah perbezaan pandangan dan ini menyebabkan percabangan idea semasa pemerintahan.

Selain itu ada sesetengah negara tidak suka akan kedudukan Islam. Oleh yang demikian muncullah banyak falsafah dan juga parti-parti yang ingin menyampaikan ideologi masing-masing. Disebabkan semua itu berlaku maka terjadilah peperangan kerana kurangnya persefahaman antara kaum. Selain itu juga artikel ini menceritakan tentang perang salib yang berlaku antara orang Islam dengan orang yahudi.

RUJUKAN

- Joyce M. Hawkins. 2011. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. England: Oxford University Press, Great Clarendon Street, Oxford
- Karen Armstrong. 2002. *Islam- A Short History*. New York: Modern Library
- Tanpa Pengarang. 2012. *Wikipedia* http://ms.wikipedia.org/wiki/Ikhwatul_Muslimun#cite_note-FAS-1 (8. 3. 2012)
- Tp. *A Brief Chronology of Muslim History*. Tp.
- Salah al-Sawy. 2002. *Americans' Questions about Islam*. Maryland: Umm al-Qura. sejarah perang salib <http://www.paguyubanpulukadang.forumotion.net>
- Murray A.V. 2006. *Encyclopedia of The Crusades*. Jld. 1-4. Santa Barbara, California: ABC Clio.